

14/02/1997

Pusat rekreasi dicemari sampah-sarap

Zafris

KEPADA mereka yang sanggup meluangkan masa mengirim kad ucapan hari raya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, tentu akan terpesona dengan keindahan air terjun yang menghiasi kulit hadapan kad ucapan yang dibalas oleh Perdana Menteri yang kita kasihi itu.

Kalau tidak silap kemungkinan air terjun yang dipaparkan ialah air terjun Chendering berhampiran Tapah yang dapat kita lihat jika kita menggunakan lebuh raya utara-selatan menuju ke utara. Sememangnya Perdana Menteri kita mempunyai selera tersendiri apabila memilih reka corak untuk kad ucapan beliau.

Keindahan alam semula jadi Malaysia sememangnya tidak dapat dinafikan kerana sebagai sebuah negara tropika, kita dianugerahi dengan hutan merimbun, gunung-ganang, yang indah dan air terjun nyaman lagi mengasyikkan.

Sayangnya keindahan kawasan rekreasi semula jadi yang dijadikan kawasan rekreasi selalunya indah khabar dari rupa kerana angkara pengunjung yang rakus dan tidak bertanggungjawab.

Antara kawasan rekreasi yang paling popular ialah kawasan air terjun kerana ia menjadi tempat kunjungan sama ada untuk perkhemahan atau untuk bersantai di hujung minggu.

Antara air terjun yang popular di negara ini ialah Chendering, Lata Kijang, Kuala Woh, Lata Kekabu dan Kolam Burma di Perak, Lata Bayu, Bukit Wang, Bukit Hijau dan Puncak Naning di Kedah, Kota Tinggi di Johor, Ulu Yam di Selangor dan banyak lagi.

Sepanjang kunjungan saya ke air terjun dan kawasan rekreasi, air terjun paling cantik ialah air terjun Bukit Hijau.

Ini kerana kawasan semula jadi di sini agak unik. Air terjunnya bertingkat-tingkat dan setiap tingkat mempunyai keindahan tersendiri ditambah dengan batu-batan dan permukaan di sini yang bercirikan batu granit hitam.

Warna putih dan jernih air di samping warna hitam batu membangkitkan suasana nyaman dan tenang. Keadaan kebersihan di kawasan ini juga terkawal dan lanskap yang dibuat juga mesra alam.

Terima kasih diucapkan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga khusus kepada pengunjung yang bertanggungjawab dan semestinya cintakan alam semula jadi.

Lain pula dengan air terjun dan jeram di Taiping iaitu Kolam Burma atau juga dikenali sebagai Burmese Pool. Keadaan di kawasan itu amat mengejutkan dan menyedihkan. Bayangkan bandar Taiping yang cantik dan terkenal dengan taman tasiknya tetapi kawasan rekreasi Kolam Burma seperti sebuah saluran pembuangan sampah.

Sampah yang bertaburan di sini sana ditambah dengan bau dari sisa-sisa makanan begitu meloyakan. Tidak ada tempat di kawasan ini yang tidak dicemari sampah. Bungkusan polistrin, plastik, kertas, surat khabar, tali dan pelbagai lagi boleh ditemui.

Bahkan lampin guna buang untuk bayi juga bersepah dan diselitkan di celah-celah batu.

Tong sampah yang disediakan tidak mencukupi dan sebahagian besar sarat dengan sampah. Kawasan rekreasi Kolam Burma adalah sebuah kawasan yang cantik dan berpotensi untuk dimajukan. Pihak berkuasa sepatutnya mengawal aliran pengunjung dan sentiasa memastikan tahap kebersihan adalah baik.